

WAKAF TUNAI INSTRUMEN ALTERNATIF DALAM MELESTARIKAN URUS TADBIR SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR)

CASH WAQF AS AN ALTERNATIVE FINANCIAL INSTRUMENT FOR SUSTAINABLE GOVERNANCE IN SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR)

Surita Hartini Mat Hassan ^{1*}
Mohd Nasir Ayub ²,
Sakinatul Raadiyah Abdullah³,
Che Khadijah Hamid⁴,
Salimah Yahaya⁵

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia (suritahartini@uitm.edu.my) *Corresponding Author

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia (mnasir251@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia (sakinatulraadiyah@uitm.edu.my)

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia (chekhadijah@uitm.edu.my)

⁵Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia (salimahyahaya@uitm.edu.my)

*Corresponding author: suritahartini@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Mat Hassan, S. H., Ayub, M. N., Abdullah, S. R., Hamid, C. K., & Yahaya, S. (2025). Wakaf tunai instrumen alternatif dalam melestarikan urus tadbir sekolah agama rakyat (SAR). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 1107 - 1114

Abstrak: Sekolah Agama Rakyat (SAR) antara institusi pendidikan beraliran agama yang terdapat di Malaysia. Kebanyakannya ditubuhkan melalui pembiayaan persendirian. Hal ini mengakibatkan SAR sering berhadapan dengan kekangan kewangan dalam urus tadbir sekolah. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan meneroka strategi yang boleh dilaksanakan oleh pentadbir SAR bagi mengurangkan bebanan kewangan melalui pelaksanaan instrumen wakaf tunai. Kajian ini bermatlamat mengenal pasti pelaksanaan wakaf tunai serta menganalisis keberkesanannya dalam melestarikan urus tadbir SAR. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pengumpulan data primer dilakukan secara temu bual bersemuka menggunakan instrumen soalan separa berstruktur terhadap tiga orang responden yang terdiri daripada pengerusi dan pengetua di tiga buah SAR yang terpilih di negeri Pahang. Kajian ini juga turut menggunakan sumber sekunder seperti jurnal majalah, artikel, buku dan sebagainya. Data kemudiannya dianalisis secara kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati bahawa ketiga-tiga buah SAR tersebut telah mengaplikasikan wakaf tunai sebagai salah satu sumber kewangan dalam pengurusan sekolah. Sumbangan wakaf tunai diperoleh daripada pelbagai pihak sama ada individu atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Hasil sumbangan

ini telah dimanfaatkan untuk membina bangunan sekolah yang baru, surau serta membaik pulih bangunan sedia ada. Kajian dapat dijadikan panduan serta rujukan kepada SAR di seluruh Malaysia serta institusi pendidikan dalam usaha mengurangkan bebanan kewangan.

Kata Kunci: *Wakaf Tunai, Sekolah Agama Rakyat, Kelestarian kewangan, Urus tadbir*

Abstract: *People's Religious Schools (SAR) are among the religious-based educational institutions in Malaysia. Most of these schools were established through private funding, which often results in financial constraints in their governance and administration. In response to this issue, the present study aims to explore strategies that can be adopted by SAR administrators to alleviate financial burdens through the implementation of cash waqf instruments. The main objective of this study is to identify the implementation practices of cash waqf and to analyse its effectiveness in sustaining the governance of SAR. This study adopts a qualitative research approach. Data were collected through face-to-face interviews using semi-structured questions. Three respondents participated in the interviews, comprising the chairpersons and principals of three selected SARs in the state of Pahang. In addition, the study is supported by secondary sources such as books, magazines, journals, articles, and other relevant materials. The data were analysed using content analysis techniques. Findings reveal that all three SARs have applied cash waqf as one of the financial resources for managing the schools. The cash waqf contributions were received from various parties, including individuals and non-governmental organisations (NGOs). These contributions were utilised for constructing new school buildings, prayer halls (surau), and for the renovation of existing infrastructure. It is hoped that this study will serve as a reference and guide for other SARs in Malaysia, as well as other educational institutions, in their efforts to reduce financial burdens.*

Keywords: *Wakaf Tunai, Sekolah Agama Rakyat, Sustainable in finance, Governance*

Pengenalan

Wakaf tunai merupakan bentuk wakaf moden yang diperkenalkan bagi memperluaskan penyertaan masyarakat untuk berwakaf khususnya di Malaysia. Secara umumnya, wakaf tunai merujuk kepada amalan mewakafkan harta dalam bentuk wang ringgit atau tunai. Dana yang dikumpul daripada sumbangan orang ramai ini diurus secara sistematik dan disalurkan untuk manfaat umum termasuk dalam bidang pendidikan, kesihatan, ekonomi dan masyarakat (Zakaria et al., 2017). Terdapat beberapa institusi wakaf di Malaysia yang sedang giat mempromosikan skim wakaf tunai kepada masyarakat seperti Yayasan Agama, Baitulmal dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Usaha ini dilihat sebagai satu langkah positif untuk menggalakkan umat Islam berwakaf secara lebih mudah dan praktikal. Pewartaan fatwa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengesahkan keharusan berwakaf menggunakan wang tunai telah memperkukuhkan lagi kepercayaan masyarakat terhadap kaedah ini.

Berwakaf secara tunai dianggap sebagai satu pendekatan yang amat praktikal memandangkan kadar pemilikan mutlak harta kekal seperti tanah dan bangunan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia sangat rendah. Keadaan ini membataskan kemampuan mereka untuk berwakaf melalui aset kekal. Wang hasil daripada wakaf tunai bersifat fleksibel dan mudah dikembangkan berbanding dengan wakaf harta kekal seperti tanah dan rumah sekaligus membolehkan ianya dimanfaatkan secara lebih meluas. Sejarah turut membuktikan wakaf tunai pernah menjadi sumber utama pembiayaan kerajaan dalam menyediakan pelbagai kemudahan

asas seperti pendidikan, perkhidmatan kesihatan, kebajikan sosial dan aktiviti kemasyarakatan khususnya pada era pemerintahan Kerajaan ‘Uthmaniyyah (Mahamood & Ab Rahman, 2015). Dana wakaf tunai memiliki potensi yang besar dalam membantu institusi pendidikan Islam mengatasi pelbagai isu dan kekangan kewangan yang telah lama membelenggu aspek pengurusan serta penyelenggaraan utiliti. SAR sebagai salah satu institusi pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri masyarakat melalui penerapan nilai-nilai moral, etika dan spritual berteraskan kurikulum *dinnyah*. Namun begitu, memandangkan kebanyakan SAR ditubuhkan secara persendirian mengakibatkan akses kepada sumber pembiayaan kerajaan sangat terhad. Keadaan ini menyumbang kepada ketidakseimbangan pembangunan SAR di seluruh negara. Oleh itu, pentadbir SAR perlu bersikap proaktif dalam mencari sumber kewangan alternatif untuk memastikan kelangsungan pendidikan agama Islam. Salah satu pendekatan yang paling relevan dan berpotensi untuk dilaksanakan pada masa kini ialah melalui instrumen wakaf tunai (Hassan et al, 2023).

Keperluan untuk menjamin kelangsungan pendidikan di SAR adalah sangat mendesak khususnya dalam situasi kekurangan sumber kewangan dan sokongan terbatas daripada pihak kerajaan. Dalam hal ini, wakaf tunai muncul sebagai sumber pembiayaan alternatif yang berpotensi besar dalam membantu menangani isu kewangan tersebut. Melalui dana wakaf tunai keperluan operasi harian serta pembangunan infrastruktur pendidikan di SAR dapat dipenuhi dengan lebih mampan. Penggunaan wakaf dalam sektor pendidikan juga mampu mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran serta dapat memastikan akses kepada pendidikan berkualiti dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat.

Kajian-kajian terdahulu mengenai keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai di Sekolah Agama Rakyat (SAR) menunjukkan bahawa institusi ini sering berdepan dengan kekangan kewangan dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran mereka. Menurut kajian Ayub et al., (2024) wakaf tunai dilihat sebagai solusi yang signifikan yang menyokong keperluan kewangan SAR. Sebagai contoh Sekolah Rendah Islam Tahfiz Integrasi (SRITI) Al-Fateh telah berjaya melaksanakan model wakaf tunai dengan berkesan. Kejayaan ini menjadi rujukan kepada sekolah-sekolah SAR lain untuk memperkukuh sistem pengurusan dan sumber kewangan mereka. Penemuan ini turut di sokong oleh kajian Hasan, et al., (2019) yang turut memperakui bahawa pelaksanaan wakaf tunai bukan sahaja membantu meningkatkan kedudukan kewangan SAR, tetapi juga memberikan manfaat kepada masyarakat setempat. Oleh itu, model wakaf tunai merupakan mekanisme penting dalam menjamin kestabilan kewangan dan kelangsungan operasi sekolah-sekolah agama di Malaysia.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, masih belum ditemui kajian secara khusus menjalankan analisis perbandingan mengenai keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai di SAR khususnya di negeri Pahang. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang pengetahuan yang wujud dalam bidang tersebut. Kajian ini dianggap penting bagi membantu SAR dan sekolah-sekolah agama yang lain dalam usaha memperkasakan pendidikan Islam melalui pelaksanaan wakaf tunai sebagai sumber alternatif kewangan bagi membiayai urus tadbir sekolah. Kajian ini menetapkan dua objektif. Pertama, mengenal pasti pelaksanaan wakaf tunai di tiga buah SAR terpilih di negeri Pahang. Kedua, menganalisis keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai tersebut. Kajian ini dilakukan secara temu bual bersemuka dengan pentadbir SAR untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap dan bersesuaian dengan keperluan kajian menggunakan soalan separa berstruktur. Hasil kajian memberikan gambaran yang jelas kepada SAR terhadap keperluan dan potensi wakaf tunai sebagai mekanisme kewangan yang efektif dalam menangani masalah kewangan sekolah.

Kaedah Penyelidikan

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif merupakan satu kaedah yang bertujuan untuk memahami serta menghuraikan fenomena sosial atau tingkah laku manusia melalui pemerhatian secara mendalam, analisis bersifat kualitatif, dan penafsiran data. Menurut Bryant (2006) dan Bruce (2007), penyelidik perlu mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber, khususnya berdasarkan ingatan dan pengalaman ahli organisasi secara mendalam dan menyeluruh bagi menjamin kualiti dapatan kajian. Antara kaedah yang lazim digunakan dalam pendekatan ini ialah temu bual secara bersemuka. Oleh itu kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka sebagai teknik pengumpulan data utama.

Terdapat lima fasa iaitu persediaan awal; sesi temu bual; merekod dan merakam; analisis data; dan pelaporan dan interpretasi. Temubual secara bersemuka adalah satu kaedah yang kuat dalam penyelidikan kualitatif kerana ia membolehkan penyelidik memahami pandangan, pengalaman, dan persepsi responden dengan lebih mendalam. Namun, ia juga memerlukan kecekapan dalam berkomunikasi dan mengendalikan hubungan dengan responden secara beretika.

Temu bual bersemuka digunakan dalam kajian ini bagi memperoleh maklumat yang lebih tepat dan mendalam. Seramai tiga orang responden terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada pengerusi, mudir dan pengurus projek SAR terpilih di negeri Pahang. Perincian responden kajian dalam Jadual 1. Jadual 1 menyenaraikan nama sekolah SAR yang dikaji beserta tarikh temu bual dijalankan. Di samping itu, data kajian ini turut disokong oleh sumber sekunder seperti buku, majalah, jurnal, artikel dan lain-lain. Kesemua data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Jadual 1: Pelaksanaan Sesi Temu Bual

Koding KOD	Tarikh/Masa Temu Bual	Tempat	Penglibatan	Kaedah Temu bual
<i>SAR 1</i>	18/8/2023	Sekolah Rendah Islam Tahfiz Integrasi (SRITI) al-Fateh, Raub, Pahang	-Pengerusi Sekolah -Mudir -Pengurus operasi	Temu Bual secara Bersemuka
<i>SAR 2</i>	20/9/2023	Pondok Moden Tahfiz Al-Banna (PMTAB) Kg Pulau Raya, Pekan Kuala Krau, Temerloh	-Ketua Jabatan	Temu Bual secara Bersemuka
<i>SAR 3</i>	20/9/2023	Maahad Tahfiz Al-Furqan (MATAF), Temerloh, Jalan Maran, Batu 5, Kampung Sungai Gau, Temerloh	-Timbalan Mudir	Temu Bual secara Bersemuka

Sumber: Data penyelidikan (2023).

Jadual 1 memaparkan tarikh dan masa sesi temu bual yang dijalankan. Temu bual secara mendalam telah dilaksanakan terhadap pentadbir di tiga buah SAR terpilih di negeri Pahang pada bulan Ogos dan September 2023. Pemilihan SAR ini dibuat berdasarkan tahap keaktifan mereka dalam melaksanakan kutipan wakaf tunai melalui platform media sosial. Selain itu, sekolah yang dipilih turut memenuhi kriteria tambahan iaitu telah berpepersi melebihi lima tahun dan mempunyai bilangan pelajar melebihi 100 orang. Kajian ini telah menemubual pengerusi dan mudir sekolah untuk mendapatkan data yang lengkap dan mendalam. Temu bual yang dijalankan di ketiga-tiga sekolah tersebut berjaya mendapatkan maklumat yang relevan dan berguna bagi memenuhi objektif kajian. Analisis kajian pula dilakukan secara analisis kandungan dengan mewujudkan tema-tema yang bersesuaian dengan data yang diperoleh dan keperluan bagi mencapai objektif kajian.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Pelaksanaan wakaf tunai dalam kalangan SAR di Malaysia khususnya di negeri Pahang menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan. Wakaf tunai kini dilihat sebagai satu keperluan penting bagi SAR dalam usaha memperoleh sumber kewangan dan pembiayaan bagi memperkasa serta mengembangkan institusi mereka. Pelbagai kaedah pelaksanaan wakaf tunai telah diamalkan oleh SAR di negeri Pahang sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 2. Menurut Othman (2015) wakaf tunai merujuk kepada kaedah berwakaf yang menggunakan wang tunai sebagai aset wakaf termasuklah wakaf wang tunai, wakaf saham, wakaf lot/kaki, saham wakaf dan lain-lain. Pendekatan ini mampu menarik lebih ramai pewakaf kerana proses yang mudah dan jumlah sumbangan yang rendah iaitu serendah RM5 sahaja. Hal ini menjadikannya lebih inklusif dan mudah diakses oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Jadual 2: Jenis Wakaf Tunai Yang Di Laksanakan Di SAR Terpilih.

JENIS WAKAF TUNAI			SAR 1	SAR 2	SAR 3
Wang Tunai			√	√	√
Wakaf Lot/Wakaf Kaki					√
Wakaf	Bahan	Binaan	√	√	
(Moze/Simen/Bata/dll)					
Sewaan Bangunan			√		√
Sewaan Tanah				√	√

Sumber: Data Temubual, 2023

Jadual 2 memperincikan jenis wakaf tunai yang dilaksanakan di ketiga-tiga SAR yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan analisis data temu bual, terdapat lima kaedah pelaksanaan wakaf tunai yang dikenal pasti iaitu wang tunai, wakaf lot atau wakaf kaki persegi, wakaf bahan binaan, sewaan bangunan dan sewaan tanah wakaf. Antara kaedah tersebut, kebanyakan SAR mengamalkan kutipan wakaf dalam bentuk wang tunai sebagai kaedah utama. Kutipan ini melibatkan kutipan secara berkala dan tidak berkala. Kutipan berkala ini merujuk kepada sumbangan yang diterima secara konsisten sama ada bulanan atau tahunan melalui potongan gaji dan lain-lain. Kajian juga mendapati bahawa kutipan wakaf dalam bentuk tunai ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat sebagaimana yang dinyatakan oleh semua responden yang mewakili SAR 1, SAR 2, dan SAR 3.

Selain itu, pelaksanaan wakaf tunai turut dilaksanakan melalui penawaran wakaf dalam bentuk lot atau kaki persegi bagi tanah wakaf yang dimiliki oleh sekolah. Kaedah ini digunakan oleh SAR 2 dan 3 sebagai strategi untuk memperoleh dana bagi tujuan pembangunan dan pengembangan tanah wakaf sedia ada. Dana yang dikumpulkan melalui kaedah ini disalurkan bagi pembinaan bangunan sekolah baharu di atas tanah wakaf tersebut. Kadar sumbangan yang biasa ditawarkan kepada pewakaf sangat berpatutan iaitu serendah RM10 hingga RM50 bagi setiap kaki persegi atau lot bergantung kepada pakej yang ditawarkan oleh pihak sekolah.

Kaedah kutipan wakaf melalui sumbangan bahan binaan turut merupakan salah satu bentuk pelaksanaan wakaf telah diamalkan. Sebagai contoh, SAR 2 telah melaksanakan kutipan wakaf bagi tujuan pembelian bahan untuk memperbaiki bumbung dan lantai dewan makan pelajar dengan anggaran jumlah kos yang diperlukan ialah sebanyak RM20,000 bagi keluasan 60 kaki x 20 kaki. Antara bahan binaan yang ditawarkan sebagai aset wakaf termasuklah simen, zink, batu bata dan bahan-bahan binaan lain yang diperlukan. Pelaksanaan wakaf tunai melalui kaedah ini telah memberikan impak yang positif terhadap ketiga-tiga SAR yang dikaji sama ada dari segi fizikal mahupun sokongan masyarakat. Dapatan berkaitan kesan pelaksanaan ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Impak keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai oleh SAR

IMPAK PELAKSANAAN	SAR 1	SAR 2	SAR 3
Pembinaan bangunan baru	√	√	√
Pembinaan Surau/ Masjid	√		
Penubuhan Koperasi	√		
Penambahbaikan bangunan sedia ada	√	√	√
Pembinaan kedai		√	√
Aktiviti pertanian		√	

Sumber: Analisis Data temu bual

Jadual 3 mempamerkan impak pelaksanaan wakaf tunai di ketiga-tiga SAR yang dipilih sebagai subjek kajian. Berdasarkan hasil temu bual, SAR 1 berjaya membangunkan sebuah bangunan sekolah dua tingkat di atas tanah wakaf sedia ada. Selain itu, dana wakaf tunai turut digunakan untuk pembinaan masjid, koperasi serta kerja-kerja penambahbaikan bangunan sedia ada. Bagi SAR 2 pula, dana wakaf tunai telah dimanfaatkan untuk pembinaan bangunan sekolah yang baru di atas tanah wakaf. Selain pembinaan bangunan sekolah, dana tersebut juga disalurkan bagi penambahbaikan bangunan sedia ada, pembinaan kedai serta sebagai modal bagi menjalankan aktiviti pertanian yang menyumbang kepada kewangan sekolah. Impak yang sama juga dapat dikenal pasti di SAR 3. Wakaf tunai digunakan untuk membina bangunan sekolah yang baru, menambah baik bangunan sedia ada dan turut dibina lot kedai untuk disewakan. Pendapatan daripada sewaan kedai ini dijadikan sebagai salah satu sumber kewangan tetap kepada sekolah. Dana yang diperoleh hasil daripada aktiviti wakaf ini dibahagikan mengikut peratusan tertentu berdasarkan keperluan seperti bagi tujuan pelaburan, penambahbaikan bangunan/kemudahan sekolah serta bayaran gaji/upah dan lain-lain. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan wakaf tunai memberikan impak yang sangat positif kepada SAR yang terlibat terutamanya dalam aspek pembangunan fizikal seperti bangunan sekolah, masjid/surau dan juga kedai yang berpotensi menjana pendapatan jangka panjang.

Hasil kajian ini amat signifikan pada masa kini kerana dapat membantu sekolah-sekolah agama seperti SAR yang tidak menerima bantuan tetap daripada kerajaan untuk mencari sumber kewangan alternatif melalui pelaksanaan wakaf tunai. Umumnya masyarakat menyedari

amalan wakaf dijamin pahala kepada pewakaf selagi harta tersebut dimanfaatkan. Oleh itu, konsep wakaf ini boleh dijadikan sebagai satu bentuk motivasi kepada masyarakat untuk mengamalkannya sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pada masa yang sama wakaf turut memberi peluang kepada masyarakat untuk turut serta dalam usaha membangun serta memperkasa institusi pendidikan Islam. Amalan wakaf juga secara tidak langsung membantu sekolah-sekolah agama meneruskan usaha dakwah dan melahirkan lebih ramai tokoh agama yang berilmu dan berwibawa demi manfaat ummah.

Kesimpulan

Pendidikan adalah hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat global. Setiap individu berhak memperoleh akses kepada pendidikan berkualiti bagi pembangunan diri serta menyumbang kepada masyarakat. Namun begitu, realitinya kos pendidikan adalah sangat tinggi. Oleh itu, selain peruntukan daripada kerajaan, sumber dana sokongan tambahan amat diperlukan bagi menampung kos perbelanjaan pengurusan dan pembangunan pendidikan secara mampan dan berterusan. Wakaf tunai merupakan alternatif terbaik berdasarkan kejayaannya yang terbukti sejak dahulu lagi. Namun, usaha untuk memperluaskan pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia termasuk penubuhan dana wakaf bagi menyokong semua sektor dan peringkat pendidikan termasuk sekolah-sekolah kerajaan berdepan dengan pelbagai kekangan. Antaranya berkaitan isu perundangan dan perbezaan pelaksanaan antara negeri-negeri di Malaysia. Namun begitu, masih terdapat ruang dan peluang yang boleh dimanfaatkan melalui kerjasama strategik para pemegang taruh dalam usaha membangunkan institusi pendidikan melalui instrumen wakaf tunai.

Instrumen wakaf tunai berpotensi besar sebagai instrumen utama dalam menyokong pendidikan khususnya dalam konteks SAR. Wakaf tunai boleh dijadikan sebagai sumber untuk membiayai pembangunan institusi pendidikan secara sistematik dan berstruktur. Dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan serta membuka laluan ke arah kelangsungan kecemerlangan SAR sepertimana yang pernah dicapai oleh umat Islam terdahulu menerusi institusi wakaf. Sehubungan dengan itu, Perancangan yang rapi, penyelidikan yang berterusan dan perbincangan menyeluruh oleh semua pihak amat diperlukan. Usaha ini boleh membawa kepada satu pelan tindakan dan model pelaksanaan wakaf tunai pendidikan yang komprehensif, lestari dan berimpak tinggi bagi memperkasa sektor pendidikan negara.

Rujukan

- Ayub, M. N., Hassan, S. H. M., Noordin, N., & Sawal, M. Z. H. M. (2020). Aplikasi Ijarah ke Arah Melestarikan Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (Sar): Kajian di Pulau Pinang, Perlis Dan Keda. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 69.
- Ayub, M. N., Mat Hassan, S. H., Hamid, C. K., Abdullah, S. R., & Yahaya, S. (2024). The Implementation of Cash Waqf People's Religious Schools (SAR). *Global Journal Al-Thaqafah*, 147-153.
- Bruce, C. (2007). Questions arising about emergence, data collection, and its interaction with analysis in a grounded theory study. *International journal of qualitative methods*, 6(1), 51-68.
- Bryant, M. (2006). Talking about change: Understanding employee responses through qualitative research. *Management Decision*, 44(2), 246-258.
- Hasan, R., Hassan, M. K., & Rashid, M. (2019). Cash Waqf Investment And Poverty Alleviation: Case Of Tabung Masjids In Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 4(2), 333-346. <https://doi.org/10.21098/jimf.v4i2.1006>
- Hassan, S. H. M., Ayub, M. N., Abdullah, S. R., Yahaya, S., Hamid, C. K., & Malkan, S. N. A. (2023). Analisis Nominal Group Technique (NGT) Untuk Mengenal Pasti Kaedah Pembangunan Wakaf Pendidikan Di Sekolah Agama Rakyat (SAR). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 8(57).
- Hassan, S. H. M., Ayub, M. N., Hamid, C. K., Abdullah, S. R., Yahaya, S., & Fazial, F. (2022, September). Tadbir Urus Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045* (Vol. 13, pp. 108-112).
- Mahamood, S. M., & Ab Rahman, A. (2015). Financing universities through waqf, pious endowment: is it possible?. *Humanomics*, 31(4), 430-453.
- Othman, R. (2015). *Wakaf tunai: Sejarah, amalan dan cabaran masa kini*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria, M. S., & Muda, M. Z. (2017). Sorotan literatur pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia. *Islamiyyat*, 39(1), 39-46.